

Anwar cabar PAS jelas isu

BH-26/2/2019 m/s: 4

➔ Presiden PKR dakwa wujud percanggahan kenyataan, cetus banyak kekeliruan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

► Georgetown

Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar PAS menjelaskan sama ada parti itu membayar lebih RM1 juta kepada Pengasas dan Pengarang *Sarawak Report*, Claire Rewcastle-Brown, sebagai kos menyelesaikan saman antara kedua-dua pihak di luar mahkamah.

Presiden PKR itu berkata, penjelasan PAS perlu selepas pihaknya mendapati affidavit kes yang difailkan oleh Rewcastle-Brown, tidak selari dengan penjelasan PAS berhubung kes, sekali gus menimbulkan banyak kekeliruan dalam penyelesaiannya.

“Mereka (PAS) kata menang kes pada hal buktinya (kes) tidak ditarik balik dan saya mahu kepastian, adakah bayaran daripada PAS diberi kepada Rewcastle-Brown?”

“Saya sebenarnya tak mahu panjangkan (isu) dengan PAS, mereka kecam saya tapi tak pernah jawab.

Kenyataan bercanggah

“Ini kali pertama saya bangkitkan (mengenai penyelesaian kes saman) kerana saya lihat (ada) percanggahan kenyataan, termasuk boleh bohong yang sukar untuk diterima,” katanya selepas menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan Antarabangsa Pulau Pinang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tsim Tze Tzin.

Sebelum ini, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, memuktamadkan penyelesaian di luar mahkamah dalam kes saman beliau terhadap Rewcastle-Brown, melalui Perintah Persetujuan di Mahkamah Tinggi London, 1 Februari lalu.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu memberi penjelasan menyeluru-



Mereka (PAS) kata menang kes, pada hal tidak ditarik balik, adakah bayaran diberi kepada Rewcastle-Brown?”

Anwar Ibrahim,
Presiden PKR

ruh berhubung siasatan ke atas dana RM90 juta yang didakwa diterima PAS, sekali gus mengelakkan kekeliruan dalam kalangan orang ramai.

“Rewcastle-Brown dalam kenyataan affidavitnya sebut wang dana UMNO masuk dalam akaun PAS dan tokoh parti itu, manakala dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ber-

nilai RM3 juta masuk ke akaun seorang tokoh PAS.

“Kalau sebut dana 1MDB mungkin ia daripada sumber lain. Dana UMNO masuk ke akaun PAS itu yang disebut dan kemudian Hadi saman Rewcastle-Brown, dengan perbincangan kes ini diteruskan hingga ia diselesaikan di luar mahkamah.

“Jika diikuti, Hadi ada buat beberapa kenyataan langgar di mahkamah. Bagaimanapun, PAS tarik balik saman itu dan Rewcastle-Brown tak minta maaf, serta terus dengan tuduhannya (berkaitan isu menerima RM90 juta),” katanya.

Dalam perkembangan lain, Anwar menggesa orang ramai berhenti mengeluarkan kenyataan berunsur perkauman, berhubung lantikan tiga jawatan utama dalam badan perundangan negara.

“Apa yang penting kita perlu berikan sokongan penuh kepada pegawai berkenaan, sama ada individu terbabit berbangsa Melayu atau sebaliknya. Kita perlu elakkan prejudis perkauman ini.

“Pada pandangan saya, apa yang penting ialah untuk memastikan mereka yang diberikan tanggungjawab ini melaksanakan amanah sebaiknya,” katanya.